

Hujan lebat: Laluan kenderaan tenggelam



Keadaan laluan selepas hujan mula reda.

BATU CAVES - Hujan lebat lebih dua jam kelmarin menyebabkan laluan menghala ke Kampung Tanah Gantian banjir selepas air di Sungai Batu gagal menampung muatan hujan dalam kuantiti banyak.

Ketua Kampung Sungai Tua Baru, Ramli Jamaludin berkata, kesan hujan lebat itu menyebabkan pengguna yang ingin memasuki kampung berkenaan terpaksa menggunakan laluan alternatif.

Menurutnya, meskipun banjir menenggelamkan jalan utama surut dua jam selepas itu, ia masih tidak selamat digunakan kerana terdapat

mendapan lumpur di atas jalan yang dikhuatiri boleh mendatangkan risiko kemalangan.

"Kejadian yang berlaku kali kedua tahun ini berpunca daripada sistem pengairan yang tidak sistematik iaitu sungai yang kecil dan tersumbat dengan sampah menyebabkan sungai gagal menampung air apabila berlakunya hujan lebat.

"Muatan sampah yang terlalu banyak di Sungai Batu itu menyebabkan pengaliran air sungai tersekat dan melimpah ke atas jalan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ramli berkata, faktor jalan yang

agak rendah juga memudahkan berlakunya banjir setiap kali hujan berterusan melebihi dua jam.

Masalah itu katanya, boleh diatasi sekiranya kedudukan jalan lebih tinggi.

Naik taraf sungai termasuk pembesaran serta pembersihan serpihan sampah juga membantu masalah seumpama itu berulang.

"Melalui lawatan Menteri Besar, minggu lalu, Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan peruntukan khas kepada Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) untuk menjalankan kerja naik taraf itu," katanya.